

Ada pegawai kerajaan bantu pembangkang kalahkan calon BN - PM

24 OCT 1990

(P)

Oleh

**Mohd. Noor Che Mat dan
Badrul Azahar Abdul Rahman**

KUALA LUMPUR 23 Okt. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan bahawa terdapat pegawai - pegawai kerajaan yang membantu pihak pembangkang dengan menghalang penyokong - penyokong Barisan Nasional yang hendak mengundi.

Perdana Menteri berkata, Majlis Tertinggi UMNO juga mendapati ada cara kekasaran digunakan di tempat - tempat tertentu untuk menghalang pengundi membuang undi.

Di Terengganu, misalnya, apabila pengundi Barisan Nasional berkumpul di rumah wakil rakyat untuk pergi mengundi, rumah itu telah dikepung oleh lebih 1,000 orang dan pihak polis tidak mampu mengeluarkan mereka sehinggalah pukul enam petang.

"Kita juga dapat mengesan penggunaan wang. Wang diberikan kepada pengundi sejurus selepas mereka masuk mengundi.

"Sungguhpun begitu, kita tidak boleh membuat dakwaan atau laporan polis," jelas beliau pada satu sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi di ibu pejabat parti itu di sini.

Katanya, ini adalah antara beberapa sebab kekalahan calon Barisan Nasional di beberapa kawasan di Negeri Kelantan, Terengganu, Perak dan Pahang.

Tanpa menyalahkan Suruhanjaya Pilihanraya (SPR), Perdana Menteri berkata, SPR terpaksa melantik pegawai - pegawai dari Pejabat Daerah umpamanya untuk membantu mengendalikan perjalanan pilihanraya.

"Pegawai - pegawai ini ada yang jelas menyokong parti - parti tertentu dan sengaja menghalang penyokong - penyokong Barisan Nasional membuang undi," katanya.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, tindakan pegawai - pegawai berkenaan melengahkan keadaan sehingga pengundi - pengundi terpaksa tunggu lama sehingga bosan dan akhirnya tidak membuang undi,

- kawasan tertentu.

Beliau berkata, Majlis Tertinggi UMNO akan membuat laporan terperinci mengenai penyelewengan tersebut.

Majlis Tertinggi UMNO, katanya, merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada SPR dan kakitangannya yang berjaya menguruskan pilihanraya dengan cukup teratur.

Beliau juga berterima kasih kepada pihak polis dan pasukan keselamatan kerana mampu mengawal keadaan sepanjang pilihanraya.

Ucapan terima kasih itu juga ditujukan kepada pihak media yang menunjukkan sikap toleran serta memberi laporan secara adil termasuk kepada parti lawan.

Sungguhpun begitu, katanya, ada sesetengah pihak mendakwa liputan itu berat sebelah.

Majlis Tertinggi UMNO turut merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada para pengundi yang telah membantu memberi sokongan sehingga BN berjaya mendapat lebih daripada majoriti dua pertiga.

telah menimbulkan perasaan tidak puas hati ramai calon, pegawai dan kakitangan parti.

"Ada kes - kes di mana pengundi, termasuk orang kenamaan dalam parti tidak dapat mengundi kerana namanya ada dalam senarai saluran lain. Bila mereka pergi ke saluran lain, namanya dikatakan ada dalam senarai saluran yang satu lagi.

"Mereka terpaksa memeriksa semula senarai. Sebenarnya nama mereka ada dalam senarai tetapi pegawai yang terlibat mengatakan tidak ada," katanya.

Menurut beliau, ada kes di mana senarai yang diguna berlainan daripada senarai rasmi di mana sesetengah nama tidak ada.

Ada kes lain yang melibatkan Orang Asli di satu tempat di mana nama mereka tiba - tiba hilang daripada senarai pemilih.

Menurutnya, ada penyelewengan - penyelewengan lain dikesan sebagai punca kekalahan calon Barisan Nasional di kawasan